MSWG
MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP
Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad
Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

14 Oktober 2016

**INDEKS KETELUSAN, PENEMUAN DAN PENGIKTIRAFAN TADBIR URUS KORPORAT MSWG-ASEAN 2016 PADA HARI SELASA, 13 DISEMBER 2016**

## Tandakan kalendar anda

Acara Tahunan Kembali Lagi!!!

Penemuan dan keputusan tahap tadbir urus di Malaysia akan diumumkan pada 13 Disember 2016 di Pusat Konvensyen Sime Darby.

Majlis Penganugerahan untuk mengiktiraf syarikat terbaik dalam tadbir urus korporat, dengan prestasi kewangan yang konsisten, akan diadakan sempena acara ini.

---

**PANDANGAN RINGKAS MSWG TENTANG TRANSAKSI KORPORAT SEMASA**

***TH HEAVY ENGINEERING BERHAD ("TH HEAVY")***

Lembaga Pengarah TH Heavy mengumumkan pada 11 Oktober 2016 bahawa syarikat telah memaklumkan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") secara bertulis tentang pengubahan syarat untuk melanjutkan tarikh matang selama satu (1) tahun dari 30 September 2016 hingga 29 September 2017, serta status pematuhan dengan syarat berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Produk Pasaran Modal Tidak Tersenarai di bawah Rangka Kerja Kemuka dan Lancar yang dikeluarkan oleh SC pada 9 Mac 2015 dan berkuat kuasa 15 Jun 2015.

*[Sumber: Pengumuman TH Heavy di laman web Bursa Malaysia pada 11 Oktober 2016]*

***KOMEN MSWG:***

Berikutan perkembangan terbaru dalam TH Heavy, MSWG ingin mengingatkan pemegang saham TH Heavy supaya berwaspada tentang kemampubayaran kewangan semasa syarikat itu berdasarkan perkara berikut:

- Walaupun pemiutang bersetuju untuk melanjutkan tarikh matang bon Islam selama 1 tahun, ia tetap tidak mengubah hakikat syarikat itu telah gagal membayar balik pinjaman berjumlah RM170 juta. Tidak dapat dipastikan sama ada TH Heavy akan dapat membuat pembayaran balik pinjaman dalam tempoh yang dilanjutkan;
- Petronas telah menghalang kumpulan TH Heavy daripada mengambil bahagian dalam tender masa depan untuk tempoh 2 tahun dari 2016. Syarikat itu juga mengalami kerugian dalam

sembilan suku tahun sebelum ini. Oleh itu, keupayaan syarikat untuk kekal sebagai usaha berterusan adalah satu isu yang membimbangkan;

- Kumpulan TH Heavy telah menerima 10 petisyen penggulungan sejak Julai 2016 dengan tuntutan berjumlah lebih RM45 juta;

- Syarikat gagal mengumpul dana yang mencukupi daripada pemegang saham dalam pelaksanaan pengumpulan dana baru-baru dengan hanya 30% langganan ke atas terbitan hak saham keutamaan boleh tukar pada bulan September 2015; dan

- Harga saham syarikat berubah-ubah daripada RM0.28 kepada serendah RM0.07 dalam setahun yang lepas. Harga saham syarikat melonjak secara drastik sebanyak 170.6% daripada RM0.085 kepada setinggi RM0.23 dalam tempoh 1 minggu dan Bursa Malaysia telah mengemukakan pertanyaan aktiviti pasaran luar biasa (UMA) kepada syarikat pada 25 Julai 2016.

---

# Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

---

***PENZAHIRAN KEPENTINGAN***

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

---

Maklumbalas
Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

---

***PENOLAKAN TUNTUTAN***

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca*

*atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*